

Norihan Binti Anah

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, December 19, 2017 2:18 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 Peralihan Dari MS ISO 9001:2008



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



19 DISEMBER 2017 / 30 RABIULAWAL 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: IPQ

AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015 PERALIHAN DARI MS ISO 9001:2008



UUM ONLINE: Bagi melalui proses peralihan dari Pensijilan ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015, pasukan audit SIRIM QAS yang diketuai Hanida Ghazali bersama Asiyah Haron dan Mary Ngu akan menjalankan audit pemantauan MS ISO 9001:2015 selama tiga hari mulai 18 sehingga 20 Disember 2017.

Mesyuarat pembukaan sempena audit pemantauan tersebut telah dipengerusikan oleh Prof Dr Huda Ibrahim, Yang Menjalankan Tugas Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) mewakili Naib Canselor dan hadir sama Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) di Bilik Mesyuarat Jabatan Hal Ehwal Akademik, semalam.

Prof Dr Huda berkata, pihak universiti akan terus memberikan komitmen dan akur dengan saranan kerajaan untuk memastikan sistem pengurusan berkualiti. Menurutnya, UUM sentiasa bersikap terbuka untuk menerima sebarang cadangan atau teguran bagi tujuan penambahbaikan tersebut.

"Saya berharap semua warga universiti dapat memberikan komitmen penuh dan kerjasama sepanjang proses audit pemantauan ini dijalankan," ujarinya.

Sementara itu, wakil juruaudit SIRIM QAS, Hanida Ghazali berkata, audit yang dijalankan itu merupakan audit pemantauan dan untuk menaiktaraf Pensijilan ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015.

Juruaudit yang dilantik oleh pihak SIRIM QAS akan mengadakan lawatan audit ke Pusat Tanggungjawab serta Pusat Pengajian di UUM sepanjang tiga hari proses audit ini berlangsung.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.